

**By : YANG AMAT BERHORMAT TAN SRI DATO' HJ MUHYIDDIN HJ MOHD YASSIN**

**DEPUTY PRIME MINISTER MALAYSIA**

**Venue : Kompleks Sukan Mini Bukit Jalil**

**Date : 28/06/2013**

**Title : PERASMIAN SUKAN MALAYSIA XVI KUALA LUMPUR 2013**

YB Encik Khairy Bin Jamaluddin  
Menteri Belia dan Sukan

YB Datuk M. Saravanan  
Timbalan Menteri Belia dan Sukan

Yang Mulia Tan Sri Tunku Imran Tunku Ja'afar  
Presiden Majlis Olimpik Malaysia

YBhg. Datuk Jamil bin Salleh  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Belia dan Sukan

YBhg Dato' Dr Zolkeples Embong  
Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Pertama sekali marilah kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izin-Nya dapat kita bersama-sama dapat berkumpul di Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-16 Kuala Lumpur 2013 pada malam ini. Saya juga berdoa agar perjalanan temasya SUKMA ini akan terus dilaksanakan dalam cuaca yang baik, selamat dan mengizinkan.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang kepada hampir 5,000 atlet dan pegawai dari 14 kontinjen ke temasya sukan untuk atlet-atlet bawah 21 tahun yang terbesar di dalam negara.

3. Saya turut mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan, dan Majlis Sukan Negara di atas penganjuran SUKMA ke 16 ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

4. Kerajaan sentiasa komited menyokong Kejohanan Sukan Malaysia yang bertujuan membangunkan sukan tanahair secara menyeluruh. Kerajaan yakin kejohanan sukan tahunan ini akan berupaya mengenal-pasti, dan membentuk potensi ahli-ahli sukan muda tanahair di dalam pelbagai jenis sukan yang dipertandingkan, dan ianya juga memberi peluang kepada setiap organisasi sukan dipelbagai peringkat, khususnya diperingkat negeri, untuk

meningkatkan keupayaan dan pengalaman di dalam aspek pengurusan dan pembangunan sukan.

5. Sehubungan ini, saya berharap berbekalkan pengalaman dari penganjuran SUKMA, organisasi sukan negeri dapat terus memajukan sistem pembangunan dan pengurusan sukan masing-masing agar dapat menyokong usaha mengukuhkan imej kerajaan melalui kecemerlangan di bidang sukan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Kerajaan amat memberi perhatian kepada usaha perkembangan bakat sukan yang pelbagai di negara kita. Oleh itu, Sukan Malaysia merupakan pemangkin yang penting kepada pembangunan bakat-bakat sukan di negara ini. Melalui platform ini, atlet-atlet muda daripada hampir 50 jenis sukan yang terdapat di negara ini berpeluang untuk menonjol dan mengukuhkan bakat mereka, sebelum mereka bertanding di pentas antarabangsa yang lebih mencabar.

7. Saya amat berbangga kerana Sukan Malaysia telah melahirkan ramai jaguh yang telah berjaya mengharumkan nama negara dipentas dunia. Malah ada di antara mereka yang bergelar Atlet No. 1 Dunia atau pun Juara Dunia seperti Dato' Lee Chong Wei, Datuk Nicol David, Mohd Azizul Hasni Awang, Shalin Zulkifli serta Koo Kien Keat dan Tan Boon Heong. Kesemua atlet ini adalah merupakan atlet-atlet yang telah dilahirkan dari temasya sukan di Malaysia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

8. Sukan merupakan satu bidang yang penting yang mampu membantu pencapaian matlamat dan wawasan negara. Selain daripada ianya berjaya menaikkan imej negara menerusi pencapaian cemerlang atlet-atlet kita di Pertandingan Peringkat Antarabangsa, sukan mampu membentuk masyarakat Malaysia yang sihat, cergas dan berdaya maju. Pada masa yang sama sukan juga menjadi agen yang efektif untuk menyatu-padukan rakyat negara ini yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Ini dapat kita saksikan menerusi sokongan padu yang sentiasa diberikan oleh segenap lapisan rakyat bilamana atlet-atlet kita bertanding.

9. Sehubungan dengan itu, saya menyokong pendekatan Kementerian Belia dan Sukan yang mendokong pembinaan budaya sukan peringkat massa melalui Gagasan Sporting Nation atau Negara Sukan. Ini kerana ianya bukan sahaja memayungi kesemua peranan dan kepentingan sukan dalam masyarakat dan kedudukan negara di persada antarabangsa, bahkan turut menyumbang kepada penjana ekonomi dan pendapatan nasional.

10. Atas dasar dan kepentingan ini lah maka kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kemajuan sukan di negara ini diberikan keutamaan. Pelbagai kemudahan dan khidmat sokongan disediakan kepada atlet-atlet kita bagi membolehkan mereka menjalani latihan dan menyertai pertandingan sepanjang tahun. Selain daripada itu kerajaan juga menyediakan kemudahan di pelbagai peringkat untuk memberi peluang latihan yang mencukupi kepada ahli-ahli sukan di negara ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

11. Kerajaan berharap Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara akan terus

meluaskan inisiatif dan landasan penyertaan untuk mengenalpasti lebih ramai atlet-atlet muda yang berbakat dan berpotensi untuk mewakili negara di pertandingan-pertandingan peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

12. Maka, bagi menyokong usaha ini Kementerian Pendidikan telah mempertingkatkan usaha dan inisiatif untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang bergiat aktif dalam aktiviti sukan. Program "Satu Murid Satu Sukan" yang mula di perkenalkan pada tahun 2011 adalah bertujuan untuk menyemaikan minat dan budaya bersukan di kalangan pelajar.

13. Menerusi program ini, lebih ramai pelajar kita berpeluang menceburkan diri di dalam aktiviti bersukan, dan dalam jangka waktu yang panjang kita berharap akan dapat menjana lebih ramai atlet pelajar yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

14. Kementerian Pendidikan sedang giat memastikan keberkesanan program ini terutamanya dalam menyediakan kemudahan dan peralatan latihan, jurulatih-jurulatih yang berkelayakan serta program latihan yang lebih berstruktur dan berkesinambungan.

15. Saya juga yakin dengan semangat kerjasama dan rangkaian bestari antara Kementerian Pendidikan serta Kementerian Belia & Sukan, program pengenalpastian bakat-bakat muda dan baru dalam sukan, terutamanya sebagai barisan pelapis, akan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan terancang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

16. Saya berharap temasya kali ini akan dapat mencapai matlamat untuk menyediakan satu tahap pertandingan yang bermutu tinggi, dalam usaha untuk menyediakan pendedahan yang secukupnya kepada atlet-atlet yang mengambil bahagian seperti Temasya-temasya Sukan Malaysia sebelum ini.

17. Saya juga berharap agar lebih banyak rekod kebangsaan, rekod Sukan Malaysia ataupun catatan peribadi terbaik dapat dicipta. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan selamat berjuang kepada setiap atlet yang bertanding dan berharap semua akan dapat memberikan persembahan yang terbaik berbekalkan semangat juang yang tinggi dan kesukanan yang tulen.

18. Saya juga mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan syabas kepada Kementerian Belia Dan Sukan amnya, serta Majlis Sukan Negara Malaysia khususnya, kerana berjaya menganjurkan Sukan Malaysia kali ini. Saya harap semua perancangan akan berjalan lancar dengan kemeriahan temasya .

19. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Sukan Malaysia ke-16 Kuala Lumpur 2013 ini.

Sekian, terima kasih.